

**AMALAN PENGGUNAAN PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME DALAM  
PENGAJARAN GURU PRINSIP PERAKAUNAN**

**MOHD RIDZUAN BIN MOHD NOR**

Laporan projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TEKNIK TUN AMINAH

## DEDIKASI

*Bingkisan ilmu ini dititipkan buat insan-insan teristimewa...*

### **Insan yang disayangi dan dikasihi**

Ayahanda En Mohd Nor bin Idris.

*Hidupmu kini tanpa isteri tercinta yang telah pergi menemui maha penciptanya, namun kecaknaan dan keperihatinanmu memberikan daku inspirasi hingga ke tahap ini.*

### **Insan yang dihormati**

Profesor Madya Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq.

*Terima kasih yang tidak terhingga kerana sentiasa memberi semangat, nasihat tanpa mengenal waktu dan masa.*

### **Adik-adikku yang dingati**

Mohd Erman, Nurulihuda dan Rahayu.

*Terima kasih kerana memahami along, memberikan semangat dan doa kepada along. Semoga memberikan inspirasi buat kalian untuk mencipta kejayaan di luar jangkaan, suatu hari nanti.*

### **Buat teman seperjuangan**

Haji Sapon Ibrahim, En Sazali Senon, Ustaz Rohaidi Othman, En Kamal Azhar, Pn Akmaraini Mamat, Pn Napisah Mamat, Pn Hanidah Sumadi dan Pn Zanaria Kusnin,  
*Terima kasih atas nasihat dan dorongan kepada diriku sepanjang menyempurnakan kajian ini.*

*Segala restu, doa, petunjuk, kecekalan, kesabaran yang tinggi dan harapan yang bermakna sehingga membawa diri ku sampai ke tahap ini...minta di permudahkan...amin..*



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, Selawat dan Salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W kerana memberi kekuatan semangat, ketabahan, kecekalan dan kesabaran yang tinggi kepada penyelidik untuk menyempurnakan Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang berimpak tinggi mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, dorongan, bimbingan dan teguran sepanjang menjalankan kajian ini. Walau bagaimanapun ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Marlina binti Mohammad dan Dr. Faizal Amin Nur bin Yunus yang memberi ulasan, pandangan, penambahbaikan dan bertanggungjawab membuat penilaian terhadap hasil kajian penyelidik. Malah tidak dilupakan juga pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional yang turut membantu memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan cetusan idea dalam menjayakan kajian ini. Selain itu buat rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan kerjasama dan turut membantu secara langsung atau tidak langsung. Malah penghargaan juga diberikan kepada Pengetua sekolah kerana memberikan sokongan dan kerjasama kepada penyelidik sepanjang memperjuangkan hasil kajian ini, dan semua guru Prinsip Perakaunan yang terlibat sebagai responden kajian. Sesungguhnya jasa kalian semua amat dihargai dan di ingati selama-lamanya.

Akhir kalam ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tercinta yang sentiasa memberikan semangat dalaman, inspirasi dan dorongan yang tidak pernah padam untuk mencapai kejayaan. Semoga kejayaan ini memberikan pemangkin untuk mencipta sebuah kecemerlangan yang bermakna dan bernilai. Semoga Allah memberikan rahmat dan mendapat keberkatan kepada kita semua dalam mencari sinar ilmu. Amin. Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran guru Prinsip Perakaunan. Aspek amalan penggunaan pendekatan konstruktivisme yang dikaji adalah kesediaan perancangan guru dan kaedah pengajaran guru terhadap pencapaian pelajar-pelajar dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi sekolah-sekolah di daerah negeri Johor. Selain itu juga kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan faktor demografi yang signifikan mempengaruhi amalan kaedah pengajaran guru. Sampel kajian terdiri daripada 63 orang guru Prinsip Perakaunan sekolah-sekolah menengah di daerah Batu Pahat dan Muar. Kajian ini dijalankan secara tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Penganalisisan data bagi tujuan kajian ini menggunakan statistik deskriptif melibatkan skor min dan sisihan piawai manakala statistik inferensi seperti Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Hasil kajian deskriptif menunjukkan bahawa nilai skor min keseluruhan adalah tinggi bagi kesediaan perancangan guru ialah 3.722 dan kaedah pengajaran guru ialah 3.852. Ini menunjukkan amalan penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran guru adalah positif dan relevan. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan kaedah pengajaran guru dengan jantina, opsyen dan pengalaman mengajar. Hal ini bermaksud amalan kaedah pengajaran guru tidak dipengaruhi oleh faktor demografi. Namun begitu terdapat beberapa aspek yang perlu diperhalusi dan penambahbaikan untuk meningkatkan mutu pendekatan konstruktivisme yang menjadi amalan guru-guru bagi membantu pelajar-pelajar meningkatkan kefahaman konsep Prinsip Perakaunan. Kesimpulannya kajian ini memberi maklumat kepada pihak berkepentingan untuk melihat keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam menjayakan pengajaran Abad ke-21 yang menjadi agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).



## ABSTRACT

This study aimed to identify the practice of the constructivism approach in teaching Accounting Principles. The study of practical aspects of using constructivism involves the readiness of teaching plan and teaching methods on the achievement of the students and the Grade Point Average for schools through Johor. Besides this study was also conducted to identify the significant differences in demographic factors that affect the practice of teaching methods. The sample consisted of 63 Accounting Principles teacher of the secondary schools in Batu Pahat and Muar. The study was conducted through a survey by using questionnaires as an instrument. The data analysis for this study involved the use of descriptive statistics mean and standard deviation while inferential statistics such as t-Test and ANOVA were used to answer the research questions. Descriptive study results showed that the overall mean score was higher in teachers' preparation, planning which are 3.722 and teaching methods is 3.852. This shows that practice constructivism approach in teaching is positive and relevant. The study also shows that there is significant difference between the practice of teaching methods and gender, option and teaching experience. This means teaching methods of the teachers are not influenced by demographic factors. However, there are several aspects that need to be refined and improved to enhance the quality of the constructivist me approach practised by the teacher help in order to students to improve their understanding of the concept of Accounting Principles. In conclusion, this study provides information to the stakeholders to look at the effectiveness of the constructivism approach in the success of 21 Century teaching which is the agenda of the Malaysian Education Blueprint or *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)*.

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>TAJUK</b>	<b>I</b>
<b>BORANG PENGAKUAN</b>	<b>II</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>V</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>VI</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>XI</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>XII</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>XIII</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>XIV</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	4
1.3 Pernyataan masalah	9
1.4 Tujuan kajian	9
1.5 Objektif kajian	10
1.6 Persoalan kajian	11
1.7 Hipotesis kajian	11
1.8 Skop kajian	12
1.9 Batasan kajian	12
1.10 Kerangka konseptual	13
1.11 Kepentingan kajian	14
1.12 Definisi istilah	16
1.13 Rumusan	18

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
2.2 Teori kognitif	19
2.3 Teori pembelajaran Ausubel	21
2.4 Teori penemuan Bruner	22
2.5 Teori konstruktivisme	23
2.6 Prinsip falsafah konstruktivisme	26
2.7 Jenis-jenis konstruktivisme	27
2.8 Model pengajaran konstruktivisme	31
2.9 Ciri-ciri guru konstruktivisme	37
2.10 Pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme	39
2.11 Strategi pengajaran konstruktivisme	41
2.12 Pendekatan kaedah pengajaran konstruktivisme	42
2.13 Kaedah pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan dari perspektif amalan konstruktivisme	45
2.14 Perbandingan kaedah pengajaran konstruktivisme dan kaedah pengajaran tradisional	47
2.15 Kelebihan pembelajaran konstruktivisme	50
2.16 Kajian berkaitan pengajaran dan profil guru	52
2.16.1 Kesediaan perancangan pengajaran	53
2.16.2 Kaedah pengajaran guru	55
2.16.3 Kajian terhadap faktor demografi dengan pendekatan konstruktivisme	58
2.17 Rumusan	63

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	64
3.2 Reka bentuk kajian	64
3.3 Kerangka operasi	65
3.4 Pemilihan lokasi kajian	68
3.5 Populasi dan sampel kajian	68



3.6 Instrumen kajian	70
3.7 Kajian rintis	72
3.7.1 Kesahan instrumen kajian	74
3.7.2 Kebolehpercayaan instrumen kajian	75
3.8 Pengumpulan data	75
3.9 Analisis data	77
3.9.1 Peratusan	78
3.9.2 Pembahagian analisa keputusan	78
3.9.3 Ujian normaliti	79
3.9.4 Ujian-t	80
3.9.5 Ujian ANOVA	80
3.10 Rumusan	80

#### **BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	82
4.2 Analisis demografi responden	83
4.2.1 Taburan responden mengikut jantina	83
4.2.2 Taburan responden mengikut opsyen	84
4.2.3 Taburan responden mengikut pengalaman	85
4.2.4 Taburan responden mengikut umur	85
4.2.5 Taburan responden mengikut etnik	86
4.3 Hasil ujian normaliti	87
4.3.1 Dapatan kajian bagi persoalan kajian 1	88
4.3.2 Dapatan kajian bagi persoalan kajian 2	90
4.3.3 Analisis inferensi	93
4.3.4 Dapatan kajian bagi persoalan kajian 3	93
4.3.5 Dapatan kajian bagi persoalan kajian 4	95
4.3.6 Dapatan kajian bagi persoalan kajian 5	96
4.5 Rumusan	97

**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	98
5.2 Demografi responden kajian	99
5.3 Tahap amalan kesediaan perancangan pengajaran guru menggunakan pendekatan konstruktivisme	101
5.4 Tahap amalan kaedah pengajaran guru menggunakan pendekatan konstruktivisme	103
5.5 Perbezaan amalan kaedah pengajaran berdasarkan jantina	106
5.6 Perbezaan amalan kaedah pengajaran guru berdasarkan opsyen	108
5.7 Perbezaan amalan kaedah pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar	109
5.8 Kesimpulan	112
5.9 Cadangan	114
5.10 Cadangan kajian lanjutan	116
5.11 Rumusan	117
<b>RUJUKAN</b>	119
<b>LAMPIRAN</b>	



## SENARAI JADUAL

2.4	Perbezaan pengajaran konstruktivisme dengan tradisional	50
3.2	Pecahan sampel mengikut mukim Batu Pahat	69
3.3	Pecahan sampel mengikut mukim Muar	70
3.4	Kandungan soal selidik	71
3.5	Darjah persetujuan item	72
3.6	Indeks pekali <i>Alpha Cronbach</i>	73
3.7	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	74
3.8	Kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian	78
3.9	Interpretasi min	79
4.1	Analisis ujian <i>Shapiro-wilk</i> amalan kesediaan perancangan	88
4.2	Analisis ujian <i>Shapiro-wilk</i> amalan kaedah pengajaran	88
4.3	Analisis skor min amalan kesediaan perancangan	89
4.4	Analisis skor min amalan kaedah pengajaran	91
4.5	Signifikan pada aras keertian dan keputusan	93
4.6	Min kesediaan amalan kaedah pengajaran mengikut jantina	94
4.7	Analisis ujian <i>Levene</i> dan Ujian-t mengikut jantina	94
4.8	Min kesediaan amalan kaedah pengajaran mengikut opsyen	95
4.9	Analisis ujian <i>Levene</i> dan Ujian-t mengikut opsyen	95
4.10	Perbezaan amalan kaedah pengajaran guru mengikut pengalaman mengajar	96
4.11	Analisis perbezaan amalan kaedah pengajaran guru mengikut pengalaman mengajar	97

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	14
2.1	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needhem	33
2.2	Model Pengajaran Berasaskan Konstruktivisme	34
2.3	Strategi Pengajaran Berasaskan Konstruktivisme	41
2.5	Kelebihan Pembelajaran Konstruktivisme	51
3.1	Kerangka Operasi Kajian	67
4.1	Carta Bar bagi Jantina	84
4.2	Carta Bar bagi Opsyen	84
4.3	Carta Bar bagi Pengalaman Mengajar	85
4.4	Carta Bar bagi Umur	86
4.5	Carta Bar bagi Etnik	87



## SENARAI SINGKATAN

BPK	-	Bahagian Pembagunan Kurikulum
EMIS	-	Sistem maklumat pendidikan
EPRD	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
ETR	-	Target Nilai Sasaran
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional
GPS	-	Gred Purata Sekolah
GPMP	-	Gred Purata Mata Pelajaran
JKD	-	Jawatan Kuasa Daerah
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KBKK	-	Kemahiran Berfikiran Secara Kreatif dan Kritis
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	-	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
NKRA	-	Nilai Keberhasilan Utama
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT 3	-	Pentaksiran Tingkatan 3
PS 1	-	Projek Sarjana 1
PS 2	-	Projek Sarjana 2
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**SENARAI LAMPIRAN**

- A Keputusan Peperiksaan Percubaan Daerah Batu Pahat
- B Keputusan Peperiksaan Percubaan Daerah Muar
- C Carta Gantt Projek Sarjana 1
- D Carta Gantt Projek Sarjana 2
- E Jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan
- F Instrumen soal selidik
- G Kajian rintis
- H Pengesahan instrumen
- I Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- J Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- K Kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
- L Kebenaran Pejabat Pendidikan Daerah Muar
- M Kebenaran Pengetua-Pengetua sekolah menengah daerah Batu Pahat
- N Kebenaran Pengetua-Pengetua sekolah menengah daerah Muar
- O Skor min item
- P Ujian normaliti
- Q Ujian-t
- R Ujian ANOVA
- S Analisis demografi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia berusaha untuk mencapai matlamat status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang mempunyai baki empat tahun dari sekarang. Untuk menjadi sebuah negara maju pendidikan teknik dan vokasional merupakan salah satu agenda utama dalam pembangunan melalui visi dan misi negara. Bagi merealisasikan hasrat tersebut pendidikan Teknikal dan Vokasional mesti diberi penekanan kepada masyarakat ke arah melahirkan teknokrat negara menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).

Bidang perakaunan merupakan bidang Teknikal dan Vokasional yang dilihat sebagai bidang yang sukar diikuti oleh kaum Bumiputera. Merujuk Abu Shah (2002), mengatakan peningkatan bilangan akauntan bumiputera dari 120 orang pada tahun 1980 kepada 3093 orang pada tahun 2002, masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan penglibatan kaum Cina yang masih kekal menguasai sebanyak 12 828 orang pada tahun 2002. Menurut Shafie (2015), menyatakan jumlah akauntan bumiputera bertauliah perlu digandakan sebanyak 6 kali ganda kerana kerajaan menasaskan sebanyak 60 ribu akauntan bertauliah menjelang 2020. Untuk mencapai sasaran tersebut kerajaan perlu mencapai sasaran sekurang-kurangnya 25% daripada 60 ribu atau 15 ribu orang akauntan bertauliah dalam kalangan bumiputera. Menyedari bidang perakaunan ini penting untuk memenuhi permintaan pasaran kerja yang tinggi serta mengimbangkan penglibatan kaum bumiputera maka matlamat Rancangan



Malaysia ke-10 adalah untuk melahirkan masyarakat perniagaan dan perindustrian. Malah Zaiton dalam Aziz (2015), menjelaskan penyertaan bumiputera yang mempunyai kelayakan profesional seperti perakaunan amat penting bagi membina sebuah organisasi pengurusan yang mahir dan berintegriti. Pengurusan kewangan adalah nadi sesebuah perniagaan, oleh itu masyarakat disarankan mempunyai pengetahuan dalam bidang perakaunan yang akan membantu pihak berkepentingan untuk membuat keputusan dan mengurangkan kebergantungan khidmat nasihat dari pihak luar.

Melalui pendidikan Teknikal dan Vokasional kerjaya yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus memerlukan satu proses yang berterusan dan perancangan jangka panjang yang bijaksana. Bagi memastikan proses dan setiap perancangan akan tercapai beberapa penemuan kajian yang menyatakan kurikulum pendidikan perakaunan merupakan alat yang penting dalam keberhasilan suatu pendidikan. Merujuk Mohd Dom dalam Bahagian Pembangunan Kurikulum 2009 (BPK) mengatakan tanpa adanya kurikulum yang sempurna dan piawai, akan menyukarkan hasrat dan tujuan sasaran pendidikan. Seajar dengan matlamat pendidikan perakaunan untuk melahirkan profesional perakaunan lepasan sekolah yang kompetitif bagi memenuhi keperluan industri dan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tertinggi. Oleh itu pembangunan kurikulum pendidikan perakaunan berupaya melahirkan pelajar yang kamil mempunyai etika kerja cemerlang dan bertanggungjawab.

Matlamat pendidikan perakaunan adalah untuk mendukung cita-cita murni dan unggul selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk menyediakan warga Malaysia yang dapat menghadapi cabaran globalisasi Abad yang ke-21. Matlamat ini hanya boleh dicapai apabila semua potensi diri telah dikembangkan secara menyeluruh dan seimbang. Hal ini selaras dengan kehendak prinsip penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menekankan aspek pengurusan kemahiran asas, pencapaian nilai murni, pemupukan minat dan bakat. Untuk mencapai aspek-aspek tersebut didalam kurikulum baru yang akan dilaksanakan, perkara yang perlu diberi penekanan ialah kaedah pengajaran yang lebih kompleks, persediaan pengajaran dan bahan bantu mengajar untuk keperluan pelajar yang pelbagai tahap prestasi (PPPM 2013-2025).

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai perlu diaplikasikan supaya penerimaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran dalam pengajaran guru



menjadi lebih bermakna (Idris, 2006). Hal ini ada dinyatakan dalam Gelombang Pertama PPPM (2013-2015) lebih menumpukan kepada aspek mengubah sistem dan menekankan kemahiran teras. Pihak kementerian memberi penekanan dengan cara menambah baik sistem dan mempercepatkan perubahan program. Tumpuannya kepada peningkatan kualiti pengajaran dan meningkatkan kemahiran guru sedia ada didalam sistem. Oleh sebab itu, strategi atau pendekatan pengajaran guru perlu bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar supaya penglibatan pelajar secara aktif dan efektif dalam pembelajaran dapat dicapai.

Pembelajaran Abad ke-21 berupaya mengubah corak pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Hal ini kerana kaedah pengajaran konvensional seperti '*chalk and talk*' semata-mata kurang berhasil untuk menarik minat pelajar untuk terus belajar tanpa merasa jemu dan bosan. Menurut Haive (1999), mengklasifikasikan bahawa pengajaran tradisional kurang berkembang kerana menggunakan buku teks dan kaedah pengkuliahan sahaja. Sebaliknya kaedah yang lebih dinamik, kreatif, kandungan pengajaran yang relevan perlu diterapkan mengikut perkembangan pada masa kini.

Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hari ini ingin memerlukan guru yang mahir dan berketerampilan dalam pedagogi Abad ke-21. Bagi Mahbib & Esa (2014), mengatakan guru bukan sahaja perlu berjaya dalam bidang akademik, malah perlu menguasai teknik-teknik pengajaran dan pendekatan bagi menyahut pengajaran Abad ke-21.

Justeru kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman & Sangguro (2012), mendapati guru mesti mahir menggunakan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana dalam sesi pembelajaran guru kerap berhadapan dengan pelajar yang berbeza kebolehan. Hal ini memerlukan kepakaran guru untuk menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah, menetapkan teknik-teknik yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar.

Kurikulum yang sedia ada perlulah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang mampu mencapai objektif pengajaran guru yang boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam penilaian formatif dan sumatif. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mapeala (2012), pendekatan teori konstruktivisme bagi proses pengajaran dan pembelajaran sebenarnya telah lama dipraktikkan di sekolah. Namun begitu sejauh manakah

amalan penggunaan pendekatan teori konstruktivisme dalam pengajaran guru dapat menambahbaik sistem pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

## 1.2 Latar belakang masalah

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran pilihan untuk pelajar-pelajar aliran sastera khususnya dan aliran sains amnya. Terdapat juga pelajar-pelajar aliran sains yang mengambil subjek ini sebagai satu mata pelajaran pilihan. Menurut Salim (2003), menyatakan bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil subjek ini terdiri daripada aliran sastera sahaja.

Mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran yang pertama kali dipelajari oleh sesetengah pelajar dalam kehidupan mereka, kerana ada di antara mereka yang tidak pernah belajar semasa peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Pihak sekolah dengan kerjasama unit bimbingan kaunseling akan membuat pilihan terhadap pelajar-pelajar yang layak untuk mengambil dan mendaftar subjek Prinsip Perakaunan mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dengan merujuk keputusan PT3. Kebiasaanya pelajar yang mendapat kepujian A dan B dalam subjek Matematik peringkat PT3 adalah layak untuk mengambil subjek ini sebagai pakej sekolah atau elektif pilihan mereka.

Sekolah-sekolah di Bandar dan luar Bandar di daerah Batu Pahat dan Muar telah memperkenalkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan semenjak tahun 1990 an dan 2000 an, malah tidak ramai pelajar yang mendaftar subjek tersebut dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini berlaku kerana mata pelajaran tersebut ialah subjek elektif dan bukan subjek wajib yang perlu diambil oleh pelajar. Hanya pelajar aliran sastera yang akan mengambilnya mengikut syarat kelayakan.

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah mengalami beberapa perubahan dari segi penstrukturan dan pembinaanya kurikulumnya semenjak mula diperkenalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum 2009 (BPK). Subjek ini dibahagikan kepada tiga kertas iaitu kertas 1, kertas 2 dan kertas 3 yang berbentuk objektif, struktur esei ringkas dan projek perakaunan mulai SPM 2011. Kurikulum pendidikan Prinsip Perakaunan dibangunkan sebagai panduan kepada guru dalam usaha membimbing



pelajar-pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berkesan dengan menggunakan pendekatan yang sesuai. Menurut Hadi (2015), di daerah Batu Pahat dan Muar guru-guru mata pelajaran ini lebih suka mengajar secara langsung kerana ini merupakan salah satu cara yang cepat dan boleh menyampaikan maklumat dengan banyak. Amalan ini telah menjadi kebiasaan bagi semua guru. Menurut kajian Nias Ahmad *et al.*, (2012), pendekatan pengajaran, aktiviti berkumpulan, komunikasi dalam Prinsip Perakaunan kurang diberikan perhatian dan guru-guru hanya memikirkan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sahaja.

Malah pelajar akan lebih berminat dan bercenderung lebih tinggi untuk meneruskan pembelajaran Prinsip Perakaunan sekiranya pelajar dapat mengatasi kelemahan diri. Motivasi diri pelajar akan terus meningkat apabila mencapai keputusan yang baik dalam ujian dan peperiksaan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ahmad *et al.*, (2006), mengatakan bahawa terdapat sebilangan guru di sekolah tidak pakar dalam memahami masalah pembelajaran pelajar disamping tidak dapat menyesuaikan cara, pendekatan dan kaedah pengajaran untuk membantu pelajar membina kemahiran perakaunan dengan lebih dinamik dan progresif. Selain itu, pembelajaran Prinsip Perakaunan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kurikulum yang mantap, kesediaan pelajar untuk belajar dan kesediaan guru untuk membimbing pelajar atau cara guru mengajar.

Menurut Mohd Meerah (1999), menerangkan bahawa orientasi mengajar di sekolah lebih menggalak pembelajaran fakta secara hafalan, masalah latihan ke arah membentuk pelajar berfikir secara saintifik dan divergran tidak diberi penekanan. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Ali (2005), di Terengganu menunjukkan pelajar mempunyai masalah untuk mengingat format akaun, tidak mempunyai nota akaun yang lengkap, pelajar tidak menumpukan pembelajaran mereka kepada aspek-aspek berkaitan dengan teori, tidak menguasai tajuk yang melibatkan pelarasan dalam tajuk penyata kewangan, tidak mengenali kelemahan diri masing-masing dan tidak mengaplikasikan teknik menjawab soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan betul dan tepat merupakan masalah utama pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran ini di peringkat SPM.

Nias Ahmad *et al.*, (2012), telah menjalankan kajian bahawa pembelajaran Prinsip Perakaunan yang tidak menarik, sukar difahami, tidak mengetahui teknik dan strategi belajar, lemah mengingat format, tidak dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik dan pelajar tidak dapat mengaplikasikan dalam kehidupan



seharian merupakan masalah utama oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Tanpa kefahaman yang jelas mengenai konsep, prinsip, kemahiran asas perekodan, format dan formula yang dipelajari pada peringkat awal menyebabkan proses pembelajaran menjadi lebih sukar pada suatu peringkat tertentu. Mata pelajaran ini dianggap sebagai mata pelajaran yang susah dan mencabar. Oleh hal demikian kepercayaan ini dapat dilihat kegagalan pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut dalam ujian dan peperiksaan.

Merujuk keputusan peperiksaan percubaan SPM 2016 (Rujuk **Lampiran A dan B**) bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan daerah Batu Pahat memperoleh Gred Purata Sekolah (GPS) sebanyak 5.82 manakala daerah Muar memperoleh GPS sebanyak 6.79. Gred Purata Sekolah (GPS) merujuk kepada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Prinsip Perakaunan yang diperolehi oleh setiap sekolah-sekolah di daerah Batu Pahat dan Muar.

Sekolah yang mendapat ramai bilangan calon gred cemerlang (A+, A, A-) dan gred kepujian (B+, B, C+, C) akan mengecilkan nilai GPS sekolah. Semakin kecil julat GPS daerah menunjukkan pencapaian sekolah-sekolah berada pada tahap pencapaian Nilai Keberhasilan Utama (NKRA) cemerlang (0.00 - 2.25), NKRA sederhana (2.26 - 4.50), NKRA memuaskan (4.51 - 6.75) dan NKRA berpotensi (6.76 - 9.00). Ini bermakna semakin besar nilai GPS sebuah sekolah atau daerah menunjukkan prestasi peperiksaan adalah memuaskan dan berpontensi.

Nilai GPS mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi daerah Batu Pahat adalah memuaskan (5.82), manakala daerah Muar adalah berpotensi (6.79). Hal ini telah menyebabkan pencapaian sekolah-sekolah di daerah Batu Pahat dan Muar tidak mencapai nilai sasaran *Expected Targeted Results* (ETR) yang ditetapkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) nilai GPS 3.00. Kajian yang dijalankan oleh Syed Ali *et al.*, (2011), menegaskan faktor perancangan pengajaran dan pendekatan pengajaran adalah faktor yang signifikan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh itu bacaan GPS menunjukkan kualiti pengajaran guru. Kaedah pengajaran guru yang efektif menunjukkan nilai GPS berada pada tahap yang baik, sebaliknya kaedah pengajaran guru yang tidak efektif akan menjadikan nilai GPS menjadi rendah dan memuaskan.

Kajian telah menunjukkan bahawa kualiti guru memberi sumbangan yang paling tinggi dalam kejayaan pelajar (Chia & Hamdan, 2012). Ini selaras dapatan kajian Hammond (2000), menyatakan bahawa perkara yang diperolehi oleh pelajar



bukan bergantung kepada sekolah yang mereka hadir. Tetapi bergantung kepada guru yang terdapat dalam sekolah berkenaan. Jelas menunjukkan bahawa guru yang efektif mempunyai pengaruh yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan keputusan peperiksaan percubaan menunjukkan pencapaian nilai GPS setiap daerah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat dan Muar.

Hal ini jelas menunjukkan pencapaiannya keputusan peperiksaan percubaan adalah sederhana dan memuaskan. Hasil perbincangan mesyuarat Jawatan Kuasa Daerah (JKD) Prinsip Perakaunan telah mengenal pasti beberapa masalah seperti kekurangan modul pengajaran, kelemahan pengajaran guru dan dasar pengambilan pelajar semasa di Tingkatan 4 merupakan sebab pelajar tidak dapat menguasai mata pelajaran ini dengan baik.

Menurut Mohd Ali (2005), berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan mendapati sikap pelajar dan cara guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menyumbang kemerosotan prestasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Dalam konteks kajiannya pelajar-pelajar sering mengeluh untuk memahami konsep asas, tidak dapat membuat penyelesaian masalah soalan dan tidak dapat membuat pentafsiran perakaunan.

Manakala menurut Ahmad *et al.*, (2006), persoalan turut juga diajukan kepada guru-guru, mereka mengatakan kesuntukan masa mengajar, kekangan masa menghadiri kursus, pendekatan mengajar Prinsip Perakaunan yang lemah dan tidak profesional menyebabkan kemahiran asas Prinsip Perakaunan menjadi sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Sebagai akibat pelajar tidak dapat menguasai kemahiran asas Prinsip Perakaunan dan mengurangkan motivasi untuk belajar mata pelajaran tersebut.

Pembelajaran Prinsip Perakaunan tidak menumpukan pengiraan, hafalan, format, teori dan formula, malah ia melibatkan mengaplikasi, menganalisis semasa membuat penyelesaian masalah. Oleh itu, guru perlu lebih kreatif dan inovatif untuk memastikan kaedah pengajaran menjadi lebih menarik, efektif, menyeronokan dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Menurut Abdul Rashid (2003), kaedah pengajaran guru adalah signifikan dalam mempengaruhi minat dan komitmen pelajar terhadap pelajaran dan mengubah sikap. Kaedah pengajaran merujuk kepada kualiti yang perlu diberi perhatian oleh semua warga pendidik kerana hal ini memberi

gambaran kepada peranan guru dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara (Jemaah Nazir Sekolah, 2001).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh How (2007), faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di Johor adalah disebabkan faktor pengajaran guru. Pengajaran yang berpusatkan kepada guru yang tidak mempelbagaikan variasi kaedah pengajaran menjadikan pelajar tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran seterusnya.

Menurut Johnsan (2007), perancangan dapat mengawal pengajaran bagi memastikan objektif pembelajaran pelajar tercapai. Perancangan pengajaran Prinsip Perakaunan memerlukan guru memiliki ilmu pengetahuan yang cukup tentang isi pelajaran yang hendak diajar dan guru bersedia untuk menghadapi persoalan dari pelajar untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan. Tanpa perancangan pengajaran yang bersesuaian isi pelajaran tidak dapat disampaikan dengan berkesan.

Perancangan adalah kunci kepada pembentukkan pengajaran yang baik dan perancangan yang berkesan adalah faktor yang signifikan terhadap persembahan pengajaran yang berkesan (Schempp, 2003). Kesiediaan perancangan dapat membantu guru lebih mengenali topik yang hendak diajar dan menentukan matlamat yang akan diperolehi daripada persediaan tersebut. Mengikut teori konstruktivisme guru akan menimbulkan minat dan dapat menyediakan suasana pembelajaran yang berupaya membina pengetahuan baru berasaskan pengalaman hasil daripada kesiediaan perancangan.

Justeru dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru perlulah menukarkan strategi pengajarannya daripada pengajaran berpusatkan guru kepada pengajaran yang berpusatkan pelajar dengan menumpukan aspek kesiediaan perancangan dan kaedah pengajaran. Dapatan kajian Che Hasan & Abdul Rahman (2011), penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran dapat diaplikasikan apabila guru mengamalkan pendekatan konstruktivisme. Pendekatan konstruktivisme merupakan pendekatan yang bertentangan dengan pendekatan konvensional yang menjadikan guru sebagai penyampai maklumat dan pelajar sebagai penerima maklumat.

Kajian Aziz (2002), membuktikan kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan konstruktivisme telah mendapat pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan berbanding kumpulan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan konvensional. Malah Kajian Caprio (1994), mengatakan pendekatan



konstruktivisme dapat membantu pelajar untuk mendapatkan kefahaman dan pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan.

